

## UMP terima bot kayuh sebagai tarikan Pelancongan Pendidikan



Pekan, 12 Oktober – Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima tiga unit bot kayuh (Paddle Boat) dalam menggerakkan usaha menjadikan universiti ini sebagai pusat pelancongan pendidikan (Edu-Tour) sekaligus meningkatkan daya tarikan pengunjung ke kawasan Kuala Pahang selain menikmati pemandangan di sekitar kampus.

Dalam program ini Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim hadir menerima bot kayuh yang diserahkan oleh Pengurus Besar Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Dato' Mohd Mazlan Sharudin yang diadakan di Pusat Rekreasi Air UMP Pekan.

Menurut Dato' Mohd Mazlan, projek ini merupakan salah satu daripada 30 komponen Strategi Pemantapan Serambi-Bandar Pekan-Kuala Pahang. Katanya Inisiatif ini merupakan kerjasama di antara pihak Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan UMP di bawah program empower ECER Mahkota bagi membantu meningkatkan daya tarikan pengunjung ke kawasan Kuala Pahang selari dengan pembangunan Medan Ikan Bakar yang terletak di kawasan Kuala Pahang.

Dalam pada itu, Dato' Dr. Daing Nasir menghargai sumbangan dengan pemberian ini selaras dengan usaha UMP dalam inisiatif penghijauan kampus dan cintakan alam sekitar di bawah Inisiatif UMP Green. UMP juga telah menerima sepasang rusa Axis-Axis yang diberi nama "Pekan" dan "Chini" yang kini ditempatkan berdekatan pintu masuk kampus UMP.



"Objektif utama program ini iaitu menjadikan UMP sebagai salah satu tarikan edu-tour kepada pengunjung seterusnya menjadikannya sebagai satu jenama yang turut membantu peningkatan mutu bagi promosi Medan Ikan Bakar dan Bandar Pekan. Program ini juga dapat menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pengunjung di Kuala Pahang serta mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat," katanya.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd Rahman Hj Safie serta pegawai-pegawai kanan UMP serta wakil-wakil dari ECER.

Perkhidmatan bot ini dikendalikan di bawah kelolaan Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dengan mengenakan sewaan sebanyak RM5 bagi 15 minit, manakala RM8 bagi 30 minit dan bagi kanak-kanak ianya memerlukan pengawasan yang rapi daripada penjaga.

Perkhidmatan ini dibuka dari hari Isnin hingga Jumaat dari jam 5 petang hingga 7 petang. Selain dari itu, tawaran pakej perkhidmatan bagi perkhemahan di Tapak Perkhemahan Pusat Rekreasi Air turut disediakan. Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung dengan Pusat Sukan dan Kebudayaan di talian 09-549 3221/09-424 5753. Atau boleh berhubung melalui En. Nor Azazi (017-912 5936) atau En. Ahmad Azlan (012-264 1503).

**Disediakan oleh Nur Laila Afandi dan disunting oleh Bahagian Komunikasi dan Korporat.**